

21 SEP 2002

ASEM-MALAYSIA/I

MALAYSIA HARAP JADI PUSAT MAKLUMAT ASIA TENGGARA ASEM

Oleh: Mikhail Raj Abdullah

COPENHAGEN, 21 Sept (Bernama) -- Malaysia berharap akan dijadikan pusat maklumat Asia Tenggara di bawah usaha sama Asia-Eropah untuk membangunkan Rangkaian Maklumat Merentas Asia.

Ketua Setiausaha Kementerian Luar Datuk Ahmad Fuzi Abdul Razak berkata Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia akan menjadi agensi peneraju yang akan mengendalikan inisiatif ini.

Rangkaian itu bertujuan untuk menyambungkan jurang maklumat antara Eropah dan Asia dalam aspek politik, sosio dan ekonomi serta mengadakan kerjasama meluas dalam bidang-bidang baru dan mengukuhkan hubungan institusi.

Inisiatif ini akan dibincangkan oleh para pemimpin dari kedua-dua benua yang akan bertemu di Mesyuarat Asia Eropah (ASEM) keempat di bandaraya di Denmark ini bermula Isnin ini. Ia akan menyempurnakan pautan antara benua dengan Perancis dijadikan pusat bagi Eropah dan Korea Selatan bagi Asia Utara.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang akan mengetuai delegasi Malaysia ke sidang kemuncak ini dijangka tiba di sini pada Ahad bersama isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, dari London.

ASEM merupakan proses dialog dan kerjasama tidak rasmi yang mengumpulkan 15 anggota Kesatuan Eropah dan Suruhanjaya Eropah dengan 10 negara Asia, iaitu Brunei, China, Indonesia, Jepun, Korea Selatan, Malaysia, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam.

Dr Mahathir turut dijadual akan mengadakan pertemuan dua hala dengan Presiden Itali Silvio Berlusconi dan Presiden Suruhanjaya Eropah Romano Prodi, sementara pertemuan dengan Presiden Perancis Jacques Chirac sedang dirangka.

Ahmad Fuzi memberitahu wartawan Malaysia di pinggiran mesyuarat pegawai kanan hari ini di kompleks Bella Centre di sini, bahawa Malaysia turut berminat dengan cadangan penubuhan Institut Asia Eropah.

Institut di bawah inisiatif pertukaran pendidikan ASEM itu kini ditempatkan di Universiti Malaya dan menawarkan program Sarjana kepada pelajar dari kedua-dua benua.

Beliau juga berkata para pemimpin Asia dan Eropah juga dijangka berbincang tentang kenyataan Perdana Menteri Denmark Anders Fogh Rasmussen yang menjadi tuan rumah apabila kemuncak itu berakhir.

Isu lain termasuk perisytiharan mengenai keganasan dan keamanan di Semenanjung Korea yang akan dikeluarkan selepas pertemuan dua hari para pemimpin ini. Perisytiharan ini termasuk inisiatif keamanan dalam usaha untuk memerangi keganasan, katanya.

Sebelum sidang kemuncak, para pemimpin akan bertemu di jamuan makan malam pada Ahad sambil berbincang tentang perkembangan serantau.

Antara isu yang mungkin akan dibincangkan termasuk pembangunan Asia Tenggara, isu keselamatan di Laut China Selatan, keamanan di Semenanjung Korea, kerjasama Asean campur tiga dan perluasan Kesatuan Eropah.

Ahmad Fuzi berkata sidang kemuncak ASEM akan bermula pagi Isnin dengan dialog politik tentang situasi antarabangsa selepas 11 Sept. dan isu-isu keselamatan baru, termasuk jenayah antara negara.

Ia akan diikuti oleh dialog di jamuan makan tengah hari mengenai kebudayaan dan kemajuan dengan tema "Kesepakatan Dalam Kepelbagaian."

Di tengah hari, para pemimpin akan berbincang tentang kerjasama ekonomi dengan penekanan kepada keutamaan ekonomi dan kewangan serantau dalam

konteks situasi ekonomi dunia.

Pada Selasa, iaitu hari terakhir persidangan, para pemimpin akan menyentuh tentang isu-isu sosial, kebudayaan dan pendidikan dengan tumpuan kepada pembangunan sumber manusia dan pertukaran pendidikan serta memupuk pemahaman bersama, mengurangkan kemiskinan dan meningkatkan tahap pekerjaan.

Dr Mahathir akan mengadakan sidang akhbar setelah persidangan itu tamat. -- BERNAMA

MR FR JR